



BULETIN MPSPK

Edisi 2018 Vol 1

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



Melestarikan
INDUSTRI Pelancongan
Kuala Muda

07 MPSPK Fun Ride 2018

11 Karnival Sepak Raga Tuju
MPSPK 2018

13 Karnival Sehati @RTM



ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan
- 03 Berita Ringkas
- 05 Ceramah Taklimat Keselamatan Kebakaran
- 07 MPSPK Fun Ride 2018
- 09 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017
- 11 Karnival Sepak Raga Tuju 2018
- 13 Karnival Sehati @RTM
- 15 Hari Penamaan Calon Pilihanraya Umum P015
- 17 Pendaftaran & Pengundian Tapak Bazar Ramadan/Aidilfitri
- 18 Ragam MPSPK

EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Norizan bin Khazali
AMK., BCK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Helmi bin Yahya
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar



05 Ceramah Taklimat Keselamatan Kebakaran



07 MPSPK Fun Ride 2018



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017



13 Karnival Sehati @ RTM

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman



Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700



<http://www.mpspk.gov.my/>
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>

© Hakcipta Terpelihara 2018 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasok terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.



NORIZAN BIN KHAZALI
AMK., BCK.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka kita dapat menerbitkan buletin MPSPK edisi bil 1/2018.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang awal tahun telah dimuatkan dalam buletin kali ini. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja MPSPK atas komitmen menjayakan aktiviti-aktiviti Majlis yang telah dirancang. Kita amat berbangga dengan kerjasama jitu semua kakitangan MPSPK dan sokongan tidak berbelah bahagi masyarakat setempat yang membolehkan MPSPK memberikan khidmat terbaik dan berkualiti demi kesejahteraan penduduk sekitar kawasan perkhidmatan.

Antara fokus saya pada kali ini adalah produk ikonik pelancongan daerah Kuala Muda yang meliputi warisan geologi, arkeologi & sejarah serta biologi Jerai Geopark. Kita perlu penglibatan dan komitmen semua pihak agar projek ikonik pelancongan ini berjaya. Justeru itu, saya amat berharap dengan kerjasama semua warga MPSPK, perancangan dan hala tuju yang telah di rancang dapat direalisasikan.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan perancangan diatas. Oleh yang demikian, harapan saya agar semua warga MPSPK mengemblem tenaga & buah fikir supaya membentuk visi memperkasakan perkhidmatan melalui pemantapan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang efisien.

Terima kasih atas sokongan semua pembayar cukai yang setia!

INFO TALIAN JABATAN/BAHAGIAN

01 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
04-429 6770

02 JABATAN KEWANGAN
04-429 6609

03 JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA
04-429 6701

04 JABATAN PERANCANG BANDAR
04-429 6646

05 JABATAN KEJURUTERAAN
04-429 6626

06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
04-429 6738

07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
04-429 6777

08 JABATAN LANSKAP & REKREASI
04-429 6788

09 JABATAN PENGUATKUASAAN
04-429 6783

10 JABATAN BANGUNAN
04-429 6611

Perhimpunan Warga Kerja MPSPK bersama YDP



Perhimpunan Warga Kerja MPSPK bersama YDP
07/01/2018
Dewan Bankuet, Menara MPSPK

Tirai tahun 2018 dibuka dengan Majlis Perhimpunan Warga Kerja MPSPK. YDP, Encik Norizan bin Khazali di dalam ucapannya meminta penjawat awam khususnya warga MPSPK supaya meneliti beberapa perkara bagi memastikan sistem penyampaian kepada masyarakat dapat diberikan sebaik mungkin.

Tiga perkara utama yang disentuh oleh Tuan YDP ialah berkaitan integriti penjawat awam, perbelanjaan secara berhemat dalam perkhidmatan dan pembangunan industri pelancongan Daerah Kuala Muda.

Majlis di akhiri bersama program ikrar aku janji penjawat awam yang dibacakan oleh Ketua Jabatan Penguatkuasaan Encik Wan Ahmad Fuad bin Wan Yahaya.



Buku Pelan Strategik MPSPK



Buku Pelan Strategik MPSPK
15/5/2018
Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Seiring dengan majlis Anugerah Khidmat Cemerlang, MPSPK turut membuat pelancaran Buku Pelan Strategik MPSPK 2018-2022.

Majlis pelancaran ini dirasmikan oleh YDP, Norizan bin Khazali. Memeriahkan majlis pelancaran ini adalah Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Md Nordin bin Yahya.

Pelan strategik ini merupakan blueprint bagi memandu perancangan dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti pembangunan.

My Beautiful SP



My Beautiful SP
03/02/2018
Sekitar Pusat Bandar Sg. Petani

Seramai 1,500 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk penuntut-penuntut kolej komuniti menyertai acara gotong-royong "My Beautiful SP".

Program anjuran MPSPK itu turut mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Belia dan Sukan, JKR, E-Idaman, AIMST University, IKM, SADA, KISMEC serta tidak ketinggalan penyertaan penduduk tempatan.



BENGKEL PEMBANGUNAN PELANCONGAN K.MUDA

Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan Kuala Muda
25/01/2018
Hotel Park Avenue, Sungai Petani

Satu bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSPK telah diadakan bersama pemain-pemain industri pelancongan daerah Kuala Muda.

Perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Haji Mohd Rawi Abd Hamid. Jemputan yang hadir memeriahkan bengkel ini adalah Prof Dato' Dr. Mokhtar Saidin, Pegawai Daerah Kuala Muda Encik Md Nordin Yahya dan barisan Ahli Majlis MPSPK (2017-18).



Datuk Zulkifli Mohamad, CEO Kedah Aman Makmur Tourism dijemput sebagai ketua fasilitator majlis

Para peserta bengkel yang hadir telah diberikan taklimat mengenai konsep pembangunan pelancongan Geopark dan cabaran yang perlu ditangani bagi mendapat pengiktirafan tertinggi dari pihak berwajib.

Kesemua 70 peserta bengkel ini dipecahkan kepada beberapa kumpulan mengikut kepakaran tersendiri. Setiap sesi perbincangan dan kerja kumpulan diselikan oleh beberapa fasilitator jemputan khas seperti Dr. Johan Affendi Ibrahim & Prof. Dato' Dr. Ibrahim Komoo.

Memandangkan konsep pelancongan archeotourism masih belum terkesan di kalangan pengendali pelancongan tempatan, maka penganjuran bengkel ini diharap dapat memberi kefahaman yang menyeluruh dan berkesan.



Apa itu PENGUNSIAN?
 Pengunsian adalah satu kaedah pelepasan diri dari dalam suatu bangunan ke tempat selamat dengan seberapa segera dan teratur apabila berlakunya sebarang insiden kecemasan.



TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN JAB. BOMBA



Taklimat Keselamatan Kebakaran oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Sungai Petani. 18 Januari 2018 Dewan Bankuet Aras 6 Menara MPSPK.

Jabatan Kejuruteraan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Sungai Petani telah berjaya menganjurkan Taklimat Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran. Taklimat dan demonstrasi ini disampaikan sendiri oleh Ketua Balai Bomba Sungai Petani iaitu Encik Ridzuan bin Nut Jamudin.


Tujuan program diadakan adalah untuk memberikan pendedahan teori dan praktikal berkenaan kebakaran serta pengendalian kes-kes kecemasan.

Aktiviti dimulakan dengan taklimat pencegahan kebakaran kategori kebakaran dan kejadian api, punca-punca kebakaran, pencegahan kebakaran dan tatacara pengunsian bangunan atau kawasan kebakaran. Sedikit kelainan kepada penyampaian kursus ini kerana ianya turut melibatkan beberapa simulasi kecemasan dari pihak bomba dan pasukan ERT(Emergency Respond Team) MPSPK.

Selesai sesi simulasi, semua peserta beredar ke padang awam majlis untuk melihat demonstrasi latihan memadamkan api menggunakan alat pemadam api. Beberapa pekerja dan ketua bahagian kemudiannya dipilih untuk menjalankan demonstrasi tersebut.

Ternyata pengalaman yang diperoleh daripada aktiviti sebegini amat berharga untuk dipraktikkan jika berlaku kes kecemasan yang melibatkan kebakaran.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada para pegawai Bomba dan Penyelamat Sungai Petani atas curahan ilmu dan pengetahuan dan terima kasih atas kerjasama semua warga dalam menjayakan demonstrasi ini.



1. Pasukan ERT MPSPK bergambar kenang-kenangan bersama pasukan Bomba & Penyelamat Sg Petani.

2. Demonstrasi memadam api dan kebakaran oleh anggota bomba bersama warga MPSPK.

3. Pengarah Jabatan Kejuruteraan, En. Haji Mahathir memberikan cenderahati kepada Ketua Balai Bomba & Penyelamat Sg Petani, Encik Ridzuan bin Nut Jamudin.

START

MPSPK FUN RIDE

KAYUHAN SANTAI MPSPK

2018



KAYUHAN SANTAI MPSPK FUN RIDE 2018

Kayuhan Santai MPSPK Fun Ride 2018
10 Feb 2018
Ruang Legar Menara MPSPK

Acara berbasikal santai, MPSPK Fun Ride 2018 menyaksikan kira-kira 1,500 peminat sukan berbasikal menyertai kayuhan yang bertempat di Menara MPSPK.

Daripada jumlah itu, kira-kira 100 warga MPSPK turut tidak melepaskan peluang menyertai kayuhan, sekali gus memeriahkan acara. Acara fun ride ini dianjurkan secara bersama oleh MPSPK dengan penglibatan KESUKEM & KTMPSPK.

Mendapat sambutan yang memberangsangkan dari warga penduduk Sg Petani selain dari luar daerah seperti Perlis, Pulau Pinang & Perak. Objektif lain acara ini ialah mempromosikan cara hidup sihat melalui aktiviti riadah berbasikal.



Dalam acara itu, peserta menggunakan pelbagai jenis basikal termasuk road bike, mountain bike, folding bike, fixie bike dan touring bike.

Setiap peserta menerima sehelai baju-t, goodie bag yang berisi beras seberat 5kg serta jamuan makan tengah hari.

Majlis selesai sekitar tengahari apabila semua peserta yang berbasikal sejauh 20km menamatkan kayuhan mereka di Menara MPSPK. Tidak ketinggalan adalah majlis cabutan bertuah kepada semua peserta kayuhan.

Acara kemuncak majlis cabutan bertuah kelihatan begitu ditunggu-tunggu oleh semua peserta kerana pelbagai hadiah menarik yang disediakan seperti periuk nasi, kipas angin, ketuhar gelombang mikro dan basikal.



1. Beberapa pekerja MPSPK turut mengambil bahagian di dalam acara kayuhan ini.
2. Dedikasi Pembantu Penguatkuasa yang membantu mengawal trafik & keselamatan peserta kayuhan.
3. YDP, Encik Norizan, mantan Setiausaha, Encik Radzuan serta Ahli Majlis Mejar (B) Rosli memberikan hadiah utama cabutan bertuah kepada pemenang.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



1



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017
15 Mei 2018
Dewan Kenangan MPSPK

Yang Di Pertua, memberi ucapan padat yang menyentuh perihal sumbangan jasa dan bakti yang ikhlas kepada semua lapisan masyarakat tempatan. Seiring dengan lajunya modenisasi, warga kerja harus cepat beradaptasi dengan kemajuan teknologi agar tidak ketinggalan.

Dibawah adalah senarai nama-nama pesara yang diraikan pada Majlis APC kali ini;

1. Allahyarham Mohd Zahij Bin Abdullah
2. Mat Nasir Bin Hussain
3. Allahyarham Anil Bin Aris
4. Noraini Bin Ali
5. Hamidah Bt Mohd Ali
6. Ahmad Bin Abdul Hamid
7. Abu Hassan Bin Ibrahim
8. Md Saad Bin Ishak

Seramai 43 warga kerja MPSPK dari pelbagai jabatan dan bahagian telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017, manakala seramai 8 orang bakal pesara pula telah menerima cenderahati seutas jam berjenama.

Acara majlis disempurnakan oleh Yang Dipertua Encik Norizan Bin Khazali bersama Setiausaha Encik Helmi Bin Yahya. Turut menyerikan majlis adalah Tuan Pengarah Daerah Kuala Muda Encik Haji Md Nordin Bin Yahya.

Perjalanan majlis lancar bersama persembahan live dari kelab muzik KESUKEM serta cabutan bertuah untuk semua. Majlis APC kali ini juga diadakan bagi meraikan semua warga dengan memberikan satu set barang dapur.



2

1. Puan Roslah dari Unit Setor dan Pembekalan bertuah memenangi sebuah Folding Bike Raliegh.

2. Antara jelitawan MPSPK yang setia menunggu untuk menyambut tetamu kehormat.

3. Sesi cabutan bertuah yang disempurnakan oleh Setiausaha Encik Helmi bin Yahya.

4. Warga kerja MPSPK yang hadir menyerikan majlis disamping menunggu makanan enak yang bakal disajikan.



3



4



KARNIVAL SEPAK RAGA TUJU MPSPK 2018



Karnival Sepak Raga Tuju MPSPK
25 Februari 2018
Taman Jubli Perak, Sungai Petani

Acara ini turut dimeriahkan dengan pemberian beberapa kotak bola takraw kepada guru-guru yang mewakili beberapa sekolah rendah dan menengah di sekitar bandar Sungai Petani.

Objektif utama penganjurannya adalah untuk memupuk semangat kesukanan dan kerjasama antara peserta dan penduduk setempat disamping mengeratkan lagi hubungan silaturahmi yang sedia terjalin. Selain itu, galakan untuk bersukan, dan bergotong-royong juga dapat diterapkan.

Kemeriahan dan kehangatan sambutan dari semua pemain dan petugas diharap dapat berterusan. Jumpa lagi pada acara yang mendatang. Terima kasih semua.

Karnival Sepak Raga Tuju MPSPK telah pun diadakan dengan meriah dan jayanya pada 25 Februari 2018. Bertempat di Taman Jubli Perak, karnival ini dijalankan secara usahasama dengan MPSPK, Persatuan Sepak Takraw Daerah Kuala Muda (PSTKM) dan Gajah Mas, Kedah.

Pertandingan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 petang itu telah menarik minat ramai peminat tegar sepak raga tuju dari Daerah Kuala Muda, Pulau Pinang & Perak.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang telah disempurnakan oleh Ahli Majlis MPSPK Encik Annuar bin Ahmad.



1. Guru-guru dari beberapa sekolah rendah dan menengah daerah Kuala Muda menerima sumbangan bola takraw dari pihak Gajah Emas & MPSPK.
2. Rakan-rakan dari Persatuan Sepak Takraw Daerah Kuala Muda kelihatan begitu ceria pada hari pertandingan.
3. Sambutan hangat peminat dan pemain Sepak Raga Tuju dari Utara sentiasa padu dan tidak pernah mengecewakan.





KARNIVAL SEHATI @ RTM 2018



Karnival Sehati@RTM
15-17 Mac 2018
Dataran Amanjaya Mall, Sungai Petani

Karnival Sehati @RTM anjuran stesen TV Radio Televisyen Malaysia telah berjalan dengan jayanya selama dua hari. Menampilkan pelbagai variasi acara hiburan, riadah serta pendedah pengetahuan dunia penyiaran kepada masyarakat.

Di jangkaan lebih 10,000 orang mengunjungi Karnival tersebut kerana pihak RTM menampilkan pelbagai kelainan berbanding siaran luar konti yang diadakan sebelum ini.

MPSPK turut tidak ketinggalan mengambil bahagian dengan menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak Cukai Taksiran & Kompaun Letak Kereta bersama promosi diskaun yang hebat.

YDP Encik Norizan Khazali turut sama diundang menjadi tetamu khas di dalam rancangan bual bicara Selamat Pagi Malaysia bersama ADUN Guar Chempedak, YB Dato' Dr Ku Rahman Ku Ismail.

USM dengan kerjasama MPSPK telah membuka booth informasi berkenaan sejarah perkembangan daerah Kuala Muda serta maklumat berguna penemuan artifak sejarah Kedah Tua di Sungai Batu, Merbok.

Acara kemuncak iaitu Konsert Pesona telah berlangsung pada Jumaat, 9 malam di pentas utama bersama artis jemputan terkenal seperti; Lan Pet Pet, Jeed Zulkefli, Awie, Ezad Lazim, Hazama, Amelina, Baby Shima dan Yabang.



1. YDP Encik Norizan Khazali, Setiausaha Encik Helmi Yahya dan Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, Encik Mohd Amin bin Ali merakamkan kenangan berfoto di hadapan booth pameran MPSPK/USM.

2. Acara Senamrobik pagi masih menjadi pilihan warga untuk memulakan hari.

3. YDP tidak ketinggalan melawat kaunter bergerak cukai taksiran sambil mendengar penerangan ringkas dari Puan Nurul Izzad dari Jabatan Perbendaharaan.





HARI PENAMAAN CALON PILIHANRAYA UMUM 14

Hari Penamaan Calon Pilihanraya Umum ke-14 P015 28 April 2018 Dewan Kenangan MPSPK

Pelbagai ragam dan warna kelihatan ketika perjalanan hari penamaan calon Pilihanraya Umum ke-14 khususnya Parlimen Sungai Petani. Bagi melicinkan proses pada hari tersebut, jalan raya utama di sekitar bandar Sungai Petani telah pun ditutup bermula seawal jam 7:30 pagi.

Yang Dipertua MPSPK telah dilantik sebagai Pegawai Pengurus P015 Sungai Petani, N27 Pantai Merdeka, N28 Bakar Arang dan N29 Sidam. Turut dibantu oleh Tuan Setiausaha, Encik Helmi Bin Yahya dan pengarah-pengarah Jabatan dalam MPSPK yang bertindak sebagai Penolong-Penolong Pegawai Pengurus.



Proses penamaan calon bagi PRU14 bermula tepat jam 9 pagi di 222 di pusat penamaan calon di seluruh negara. Ia membabitkan sebanyak 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Seramai 16 orang calon telah mengemukakan Borang Penamaan Calon untuk bertanding di Parlimen & Negeri. Keseluruhan perjalanan majlis tersebut telah berjalan lancar tanpa sebarang insiden malah berjaya selesai dengan jayanya pada jam 12.00 tengahari.

Untuk rekod SPR mencatatkan peratusan pengundi yang tinggi di Kedah dan ini boleh dibanggakan sebagai satu petanda yang positif. Kedah yang mempunyai 15 kerusi Parlimen dan 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) memiliki 1,146,492 pemilih berdaftar.



1. Pengarah Jabatan Bangunan MPSPK Encik Suhairi Mustaffa turut bertugas sebagai Pegawai Pengurus.
2. Beberapa jurufoto dan pemberita dari akhbar-akhbar tempatan turut sibuk menjalankan tugas melapor pada hari penamaan calon.
3. Turut terkesan interaksi ramah dan mesra di antara semua calon-calon dari pelbagai parti politik, baik dari kerajaan mahu pun pembangkang.



*kredit foto: Imran Saad, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK



PENDAFTARAN & UNDI BAZAR RAMADAN/AIDILFITRI



Pendaftaran & pengundian Bazar Ramadan/Aidilfitri
19 - 21 Mac 2018
Dewan Kenangan MPSPK

Sempena menyambut bulan Ramadan pada tahun ini, MPSPK telah menyediakan tapak-tapak jualan Ramadan & Aidilfitri di Kompleks Seri Temin, Jalan Padang, Taman Sejati Indah, Wisma Ria, Taman Ria Jaya, Taman Sejati Indah, Bandar Laguna Merbok, Bukit Selambau, Pekan Merbok dan Tanjung Dawai.

Proses pendaftaran diadakan pada 19-21 Mac bertempat di Dewan Kenangan, Menara MPSPK dan semua pemohon mestilah membawa:

- a) Satu salinan Kad Pengenalan;
- b) Sijil Kursus Pengendalian Makanan;
- c) Laporan Pemeriksaan Kesihatan beserta suntikan tifoid;
- d) Wang deposit

Untuk bazar Ramadan, sebanyak 10 tapak bazar berdaftar dengan penyediaan lebih kurang 868 unit tapak ditawarkan kepada peniaga di daerah Kuala Muda.



1 Seramai 24 orang telah mengangkat Majlis Angkatan Suruhanjaya Muzik MPSPK pada 18 Januari 2018.



2 Encik Hafiso dari Jabatan Pelancong turut membanting tulang mengecat jalan.


1. "Peace...!"
2. 'Kaki' SELFIE tegar...
3. Aktiviti regangan otot oleh cara YB Dato' Mohd Rawi...
4. Lambatnya api nak padam!!
5. Bakat muzik terpendam dari warga MPSPK.



Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
Jabatan Bekalan Air	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpspk.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2018 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.